



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA


**20 Julai 2018**

1. Haiwan Ternakan perangkap maut: Utusan Malaysia

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW SUNDAY TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Utusan Kota		M/SURAT:	22
RUANGAN :			
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input checked="" type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
20 Julai 2018			



Tindakan tidak bertanggungjawab penternak ancam nyawa pengguna jalan raya

## Haiwan ternakan perangkap maut

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN  
kota@utusan.com.my

■ KLANG 19 JULAI

PENCEROBOHAN haiwan ternakan di jalan raya bukan lagi perkara asing bagi pemandu di negara ini bahkan telah lama menjadi "perangkap mat" terutama bagi yang memandu pada waktu malam.

Kira-kira empat bulan lalu, tular video seekor lembu dirempuh sebuah kereta ketika melintas jalan di Felda Adela, Kota Tinggi, Johor sehingga mendapat pelbagai reaksi netizen.

Daripada komen-komen yang diluahkan, rata-rata masyarakat mula sedar tentang ancaman daripada tindakan pemilik yang tidak mengurung haiwan termakan mereka.

Bahkan ramai yang berpendapat, pemilik haiwan termakan perlu dipersalihkan sepenumpa membabitkan kemalangan seumpama itu.

Tidak dinafikan, sudah sam-pai masanya suntik dan yang lebih komprehensif dan adil perlu diambil oleh pihak berkuasa bagi membendung masalah ini.

Tinjauan Utusan Malaysia di Bandar Botanic berhampiran gedung bilik belakah GM Klang baru-baru mendapati, sekumpulan lembu berkeliaran di kawasan premis perniagaan itu sehingga mengganggu lalu lintas dan menimbulkan kebingungan orang ramai.

Ekoran situasi itu, pengguna jalan raya perlu lebih berhati-

### MUKADIMAH

BERITA mengenai kemalangan jalan raya membabitkan haiwan ternakan di negara ini seperti masih tiada jalan penyelesaian. Walaupun sudah berulang kali dilaporkan, kejadian tetap berulang seolah-olah tiada tindakan dan pengurusan dilakukan.

Masalah ini bukan sahaja berlaku di jalan-jalan kampung bahkan

masih berlaku di beberapa kawasan bandar dan pinggar bandar

di sekitar Klang, Shah Alam, Sentul dan Kajang.

Persoalan yang timbul adalah sejauh mana pihak berkuasa

berusaha menyelesaikan ini ku-susnya mengenai tindakan dan

pengurusan yang dikenakan terhadap pemilik dan penternak

yang membikarkan haiwan termakan sebaiknya bebas berkeliaran.

Dalam perkembangan sama,

Pengasas Ikatan Silatrahim Brotherhood (Brotherhood), Azlan Sami Zawawi atau lebih dikenali sebagai Lambo berkata, pemilik haiwan ternakan tidak boleh bersikap sombong dan mengabaikan membikarkan haiwan peliharaan mereka berkeliaran di atas jalan raya, kerana ia mengundang bahaya kepada orang ramai.

Justeru itu katanya, penternak tidak sepertutnya membikarkan ternakan mereka berkeliaran tanpa kawalan kerana ia menganggu ketenteraan awam dan mengancam pengguna jalan raya lain.

Beliau berkata, sikap tidak

bertanggungjawab dan memenuhi keuntungan peribadi semata-mata sepertutnya dikemaskini tindakan yang setimpal.

"Apa yang Brotherhood perjuangkan di sini adalah soal keselamatan jalan raya yang membabitkan nyawa manusia dan juga haiwan berkenaan. Mengapa isu kemalangan haiwan ternakan ini seperti tidak mendapat perhatian di kalangan kerajaan?"

"Peranan satu ketiga berkakuh dalam mengelakkan halangan ekor lembu yang dilanggar lor," katanya.

Selain itu, beliau menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau ketua kampung berbinang untuk menyelaiskan isu ini.

"Kita tidak mahu apabila berlaku kemalangan, pemilik ternakan hilang entah ke mana dan yang menjadi mangsa adalah orang ramai."

"Sedangkan mangsa sepatusnya mempunyai hak-hak bagi melindungi mereka," katanya.



AZLAN SANI ZAWAWI (kanan) bersama pegawai Samreet Singh (kiri) berhincang mengenai kemalangan membabitkan haiwan ternakan dengan seorang mangsa di Setia Alam, Shah Alam, Selangor—UTUSAN/MOHD NAJIB MOHD NOR



SEKUMPUL lembu melintas laluan berhampiran gedung membeli-belah GM Klang, Bandar Botanic, Klang, Selangor.

# Perketat undang-undang isu kemalangan haiwan ternakan



**KLANG 19 Julai** – Kerajaan diminta memperketatkan undang-undang sedia ada bagi memastikan tiada haiwan ternakan berkelaran di jalan raya sehingga mengakibatkan kemalangan.

Peguam, Samreet Singh berkata, ini termasuk menggubal akta baharu dan memastikan haiwan terbabit dipasang teknologi cip yang berfungsi sebagai 'tag' untuk mengesas pemiliknya jika berlaku kemalangan.

Jelasnya, cadangan tersebut penting bagi memastikan kemalangan haiwan ternakan tidak berulang dan menjamin keselamatan pengguna jalan raya di negara ini.

"Kes ini serius. Saya peguam mewakili Ikatan Silaturahim Brotherhood (Brotherhood) ingin membawa kes ini kepada pe-

**Masalah ini berulang kerana kita tidak dapat mengenal pasti siapa pemilik lembu itu jika berlaku kemalangan."**

**SAMREET SINGH**  
Peguam

ngetauhuan semua pihak supaya perkara ini tidak berulang.

Setakat bulan ini sahaja Brotherhood menerima 20 aduan kemalangan membabitkan kenderaan dan haiwan ternakan.

"Masalah ini berulang kerana kita tidak dapat mengenal pasti

siapa pemilik lembu itu jika berlaku kemalangan. Pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai kuasa untuk memastikan pemilik lembu bertanggungjawab terhadap haiwan mereka supaya tidak berlaku kejadian tidak diingini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Samreet, mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987, Menteri Pengangkutan mempunyai kuasa mengutuskan undang-undang bagi memastikan haiwan ternakan tidak bebas berkelaran di jalan raya.

"Setakat ini tiada akta yang spesifik untuk memastikan haiwan ternakan tidak masuk ke jalan raya. Cuma PBT boleh melaksanakan tindakan saman terhadap pemilik haiwan terbabit," katanya.

## REAKSI

### BERTINDAK ELAK KEMALANGAN

"Pada Mac lalu, abang ipar saya meninggal dunia dalam kemalangan melibatkan lembu pada waktu malam. Kini, balu Allahyarham mengambil tugas sebagai ketua keluarga menanggung tiga orang anaknya. Saya harap ada undang-undang supaya pemilik haiwan berkenaan dikenakan tindakan tegas supaya mangsa mendapat pembelaan sewajarnya."



**AZLI AHMAD**  
Ahli keluarga mangsa

"Keadaan menjadi sangat berbahaya terutama pada waktu malam, keadaan jalan yang gelap menyukarkan lagi pemandu mengesan kewujudan haiwan dari jarak jauh."

**MOHD. SHAMSUL BASIR**  
Peniaga

"Pertubuhan Mangsa Kejam bertujuan membantu mangsa kemalangan menuntut pampasan dengan menunjukkan cara untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa. Ini kerana ada mangsa kemalangan yang tidak tahu bagaimana membuat laporan menggunakan saluran yang betul lebih-lebih lagi berhubung tuntutan pampasan."



**MOHAMMAD AIZAD SULAIMAN**  
Wakil Persatuan Mangsa Kemalangan Jalan Raya Malaysia (Mangsa Kejam)